

Arahan: Modul ini adalah untuk tempoh masa 1 jam			
Mata Pelajaran	BAHASA MELAYU KOMUNIKASI	Sasaran	3 PKKS HARAPAN
Tarikh	14 Jun 2021	Masa	9.00-10.00 pagi
Tajuk	Tema 4 : Khidmat Masyarakat Unit 10 : Kami Prihatin		
Standard Pembelajaran	1.1.1 Mendengar dan mengenal sebutan perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran harian.		
Objektif Pembelajaran	Pada akhir PDPR murid boleh: 1. Menjawab 3 dari 5 soalan pemahaman 2. Mengisi tempat kosong berdasarkan gambar yang diberi		
Tempoh Masa	1 Jam		
Aktiviti Pembelajaran	Sila rujuk link buku teks digital untuk memudahkan pemahaman https://drive.google.com/file/d/1Y8-TqyFNIA8FBz4DCAg4XRnnJWWVuxhh/view?usp=drivesdk 1. Membaca petikan yang disediakan 2. Membaca untuk menjelaskan maksud petikan 3. Menjawab soalan pemahaman 4. Mengisi tempat kosong berdasarkan gambar yang diberikan 5. Murid-murid diminta untuk menjawab soalan melalui soalan interaktif di Liveworksheet.		
Latihan	1. Sila jawab soalan interatif yang diberikan 2. Screenshoot jawapan yang telah siap kepada guru (jika ada persoalan/pertanyaan boleh hubungi Cikgu di Whatapps)		
Pentaksiran	Anda akan dinilai berdasarkan tugasan yang diberikan		

TEMA 4 : KHIDMAT MASYARAKAT

UNIT 10 : KAMI PRIHATIN



Membaca

PERMATA Kurnia

TEMA

4

Pada 20 Jun yang lalu, anggota Badan Kebajikan dan Permuafakatan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Desa Pinggiran telah mengadakan program mesra ke Pusat PERMATA Kurnia Sentul, Kuala Lumpur. Seramai 33 orang termasuk ibu bapa, tiga orang guru pengiring dan 10 orang murid autisme telah mengikuti lawatan tersebut. Tepat pada pukul 7:30 pagi, kami bertolak menaiki bas dari sekolah ke Sentul, Kuala Lumpur.

Setibanya di sana, kami disambut mesra oleh pegawai intervensi yang bertugas di PERMATA Kurnia. Kami mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pengarah PERMATA Kurnia. Beliau memaklumkan bahawa matlamat utama penubuhan PERMATA Kurnia adalah untuk membimbing dan menyediakan kanak-kanak yang mengalami autisme ke sekolah aliran perdana. Antara objektif penubuhannya termasuklah usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap autisme. Pusat ini memberikan khidmat terapi dan pendidikan kepada kanak-kanak autisme. Kanak-kanak ini dididik agar dapat berdikari dan memberikan sumbangan kepada masyarakat.

Pusat ini juga menyediakan kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Pusat ini turut menyediakan latihan mendidik kanak-kanak autisme kepada guru. Ibu bapa turut diberikan tunjuk ajar tentang cara meningkatkan perkembangan anak-anak mereka. Perkhidmatan intervensi awal kepada kanak-kanak autisme disediakan untuk mengembangkan bakat dan potensi mereka.



KAMUSMINI

PERMATA Kurnia

Program untuk memberi kanak-kanak permulaan kehidupan melalui pendidikan dan penjagaan awal yang berkualiti. Selain itu, program ini juga dapat mengenal pasti dan mendidik kepelbagaian bakat kanak-kanak ke arah potensi yang optimum.

LATIHAN 1

Berdasarkan petikan di atas jawab soalan-soalan di bawah.

1. Berapa ramai yang terlibat mengikuti lawatan tersebut?

2. Apakah matlamat utama Penubuhan PERMATA Kurnia?

3. Nyatakan objektif Penubuhan PERMATA Kurnia.


4. Nyatakan objektif Penubuhan PERMATA Kurnia.

5. Apa itu Penubuhan PERMATA Kurnia?



Penilaian 10

Bina ayat berdasarkan gambar.



Abu sedang melukis mural di dinding sambil diperhatikan oleh Ahmad

Rahmat menyapu daun-daun kering di sekitar kawasan tersebut

Aqil mencatas pokok yang merimbun itu

Pak Mat membantu Puan Chan menolak kerusi rodanya.

Latihan 2

Bina ayat berdasarkan jawapan yang diberi

1.	
2.	
3.	
4.	

_Wah, bagus! Cikgu sangat kagum dengan kamu semua yang kyusuk menyiapkan latihan/tugasan yang diberi. Cikgu sangat yakin, apabila semua pelajar menumpukan perhatian menjawab soalan yang diberikan, tentu latihan/tugasan kamu akan segera siap. Terima kasih kepada semua pelajar yang telah menyiapkannya.....**TANIAH**



PDPR
14.6.2021 –
16.7.2021

Adab-Adab
semasa PDPR

- ✓ Buat persediaan
- ✓ Baca doa belajar
- ✓ Beri tumpuan
- ✓ Memberi respon
- ✓ Berterima kasih